

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020**

### **A. ID WAKIL**

**1. S: Siapakah yang layak memohon ID wakil bagi BSH?**

J: Individu yang layak untuk memohon ID Wakil adalah Wakil Rakyat / Pegawai yang telah dilantik oleh Wakil Rakyat untuk bertindak sebagai Wakil menghantar Borang BSH secara dalam talian bagi sesebuah kawasan.

**2. S: Apakah peranan ID Wakil?**

J: Peranan ID Wakil adalah membantu rakyat di kawasan wakil berkenaan dalam penerimaan Borang BSH 2020 secara dalam talian dari segi Pendaftaran, Kemas kini dan semakan status Permohonan.

**3. S: Bagaimanakah Permohonan ID Wakil boleh dibuat?**

J: Permohonan ID Wakil boleh dibuat seperti berikut:

- i. Kemukakan Surat Permohonan Rasmi Permohonan ID Wakil kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) melalui Emel: [bshhelpdesk@treasury.gov.my](mailto:bshhelpdesk@treasury.gov.my)
- ii. Isi **Borang Permohonan ID Wakil (BK-27)** yang boleh diperolehi daripada Sekretariat BSH, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
- iii. Borang berkenaan perlu diisi dengan lengkap.
- iv. Kemukakan Surat Permohonan Rasmi dan Borang BK-27 kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) melalui Emel: [bshhelpdesk@treasury.gov.my](mailto:bshhelpdesk@treasury.gov.my)
- v. Permohonan yang telah diluluskan oleh MoF akan dikemukakan kepada LHDNM untuk pendaftaran ID Wakil
- vi. ID Wakil yang didaftarkan akan dimaklumkan kepada Wakil melalui Emel yang telah didaftarkan

**4. S: Berapa lama masa diambil untuk meluluskan permohonan pendaftaran?**

J: ID Wakil akan didaftarkan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas mendapat kelulusan daripada MoF

5. **S: Bagaimanakah cara untuk login Sistem BSH menggunakan ID Wakil?**
- J: Pemakluman ID Wakil yang telah didaftarkan adalah secara emel yang telah didaftarkan. Wakil berkenaan akan menerima Kata Laluan (*default*) dan perlu menukar Kata Laluan bagi Log Masuk Kali Pertama. Sistem BSH boleh dicapai di <https://bsh.hasil.gov.my/>. Panduan pengguna e-Wakil boleh diakses apabila Log Masuk Portal BSH.
6. **S: Apakah maklumat yang perlu saya kemukakan semasa permohonan ID Wakil?**
- J: Maklumat yang perlu dikemukakan bagi permohonan ID Wakil adalah merujuk kepada Borang Permohonan ID Wakil (BK-27).
7. **S: Berapa banyak ID yang saya boleh daftarkan?**
- J: ID Wakil yang boleh didaftarkan adalah seperti berikut:
- i. Pentadbir – Wakil Rakyat / Pegawai yang dilantik
  - ii. Pengguna – 4 Pegawai yang disenaraikan oleh Wakil Rakyat bagi membantu pemprosesan Borang BSH
8. **S: Adakah ID Wakil yang didaftarkan mempunyai tempoh penggunaan?**
- J: ID Wakil yang didaftarkan hanya sah dalam tempoh pendaftaran BSH 2020.